

# Malaysia belum serah peta maritim kepada PBB

27.5.05  
B H 17

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Malaysia belum menyerahkan peta yang menunjukkan garis pangkal yang dijadikan asas penetapan sempadan laut wilayahnya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) walaupun mewartakannya pada 1979.

Peta baru yang diwartakan pada 21 Disember 1979 itu, antara lain menetapkan wilayah maritim selebar 12 batu nautika dan kawasan pelantar negara selebar 200 batu nautika.

Kegagalan Malaysia memenuhi tanggungjawab itu juga dilihat menjadi faktor kepada kesukaran penyelesaian masalah sempadan maritim dan pertindihan tuntutan wilayah dengan beberapa negara.

Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT), Laksamana Pertama Dr Sutarji Kasmin (gambar) berkata penting untuk Malaysia memenuhi tanggungjawab kepada PBB dengan mengemukakan peta berkenaan.

Selagi tanggungjawab itu tidak dipatuhi, katanya, kesahihan Malaysia untuk menuntut kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan pelantar benuanya akan terjejas.

"Pastinya ia juga menjejaskan hak Malaysia untuk mengaut sumber asli yang ada di dalamnya," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Isu Persempadanan Maritim Malaysia* pada Persidangan Kebangsaan Pertahanan Strategik dan Keselamatan Serantau di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Dr Sutarji berkata, mengikut

Konvensyen Mengenai Undang-Undang Laut Ketiga PBB (UNCLOS III) yang ditandatangani Malaysia bersama 119 negara lain pada 10 Disember 1982, negara pesisir pantai memiliki kedaulatan penuh ke atas perairan wilayah dan hak mengurus, mengambil serta melindungi sumber asli di ZEE dan pelantar benua.



Ini bermakna, Malaysia berhak untuk mengambil sumber asli laut sama ada yang hidup (terutama ikan) dan yang ada di dasar laut (bahan galian, gas dan minyak) di kawasan perairan wilayah serta pelantar benua.

Katanya, ia juga membolehkan pulau yang dituntut dalam zon maritim yang dituntut oleh Malaysia, diperuntukkan dengan laut wilayah selebar 12 batu nautika dan pelantar benuanya.

"Antara tanggungjawab negara selepas mengisytiharkan kawasan maritim ialah menetapkan asas garisan dalam menetapkan sempadan maritim dan menyerahkan asas itu untuk simpanan PBB.

"Setakat ini, Malaysia belum menunaikan tanggungjawab ini," katanya.

Dr Sutarji berkata, walaupun peta baru sudah dikeluarkan kira-kira 26 tahun, penyelesaian masalah sempadan maritim negara memerlukan masa panjang untuk menyelesaikannya kerana banyak faktor perlu diambil kira.

Sepanjang tempoh itu, katanya, belum ada masalah sempadan maritim yang dapat diselesaikan secara kekal.

PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar BERITA HARIAN  
Tarikh 27 MEI 2005  
Muka Surat 17  
Perkara .....

17